

Gerakan rayu semua henti kritik kerajaan

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) semalam merayu semua pihak, supaya menghentikan kritikan terhadap kepemimpinan kerajaan kerana ia boleh memecahbelahkan rakyat.

Sambil mengulangi sokongan Gerakan kepada kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presidenya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata tindakan mengkritik itu juga pastinya akan dieksploitasi parti pembangkang, khususnya DAP, untuk melemahkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Saya merayu kepada semua menghentikan perdebatan ini kerana ia menguntungkan pembangkang. Pas sudah cuba dapatkan Tun (Dr Mahathir) menjadi pemimpin pembangkang dan anda boleh pertaruhkan nyawa bahawa DAP menunggu masa mengeksploitasi keadaan," katanya ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan di sini, semalam.

Isu kritikan bekas Perdana Menteri terhadap penggantinya minggu lalu menjadi antara agenda utama mesyuarat Gerakan itu yang berlangsung lebih empat jam.

Dr Lim berkata, walaupun setiap individu bebas menyatakan pandangan, ia perlu dilakukan secara bertanggungjawab supaya tidak menyebabkan kekeliruan.